

Headline	RM20j lahirkan mahasiswa atlit negara		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	11 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	231,163	Readership	1,368,000
Section	Berita	Color	Full Color
Page No	N2	ArticleSize	183 cm ²
AdValue	RM 4,098	PR Value	RM 12,293



RM20j lahirkan mahasiswa atlit negara

Temerloh: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperoleh dana RM20 juta khusus untuk program Biasiswa Sukan KPT bertujuan memberi peluang pelajar aktif sukan memiliki ijazah dan melahirkan atlit negara berwibawa.

Timbalan Menteri, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata peruntukan yang diterima kementerian itu bagi tempoh dua tahun pada 2011 serta 2012 dan setakat ini, seramai 358 pelajar sudah menerima biasiswa berkenaan.

Katanya, KPT tidak menghadkan pelajar memilih pengajian Sukan di universiti, sebaliknya memberi peluang kepada mereka mengikuti pengajian yang diminati sesuai dengan kelulusan masing-masing.

Sasar lahir wakil negara

"Ya sejajar hasrat KPT melahirkan 30 peratus atlit yang dapat mewakili negara dalam sukan berprestij seperti Sukan Asia dan Olimpik.

"Setakat ini, kurang 28 peratus atlit negara yang menyertai sukan SEA adalah pelajar institusi pengajian tinggi dan kita mahu peratusan ini meningkat pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Karnival Sukan di bawah Program Koi Orang Temerloh di Stadium Majlis Perbandaran Temerloh (MPT),

di sini, semalam.

Saifuddin berkata, untuk merealisasikan hasrat itu, KPT memberi autonomi kepada enam institut pengajian tinggi awam (IPTA) menyediakan saluran khas mengambil pelajar yang terdiri daripada atlit cemerlang memasuki universiti serta diberikan biasiswa sukan.

Universiti berkenaan ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengambilan pelajar dalam kalangan atlit cemerlang tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya kerana universiti perlu mematuhi garis panduan pengambilan terutama keputusan peperiksaannya cemerlang.

Jaga mutu pengajian

"Negara perlu menjaga mutu pengajian di universiti supaya tidak diperlekehkan pihak tertentu kerana kemasukan pelajar banyak bergantung kepada keputusan peperiksaan mereka," katanya.

Sebanyak 16 sukan elit diberikan perhatian oleh kerajaan bagi memastikan mereka mampu menjadi atlit berjaya dan bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa.



Saifuddin (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan sukan sempena Karnival Koi Orang Temerloh, yang diadakan di Stadium Majlis Perbandaran Temerloh. [FOTO WAN KEMAT / BH]